



ANGGOTA Jabatan Pertahanan Awam membantu mangsa banjir berpindah di Taman Murni Permai, Gong Badak, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD. NOR

Banjir semakin buruk

Oleh ISWAN SHAFIQ MAT ISA
 utusanganu@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 20 NOV.

KEADAAN banjir di negeri ini semakin buruk dengan 23 pusat pemindahan lagi dibuka hari ini, menjadikan keseluruhannya sebanyak 37 buah yang beroperasi sehingga lewat petang ini.

Kesemua pusat pemindahan itu menampung hampir 5,000 orang mangsa daripada kira-kira 1,400 keluarga kebanyakannya di daerah ini selain Marang, Setiu, Besut dan Dungun.

Dalam keadaan hujan lebat yang berterusan, beberapa batang sungai termasuk Calok di Setiu dan Sungai Telemong di Hulu Terengganu kini melepasi paras bahaya.

Daerah itu mencatatkan bilangan mangsa banjir terbanyak iaitu 3,205 orang.

Di samping itu, hujan yang terus mencurah, menyebabkan dua universiti iaitu Universiti Sultan Zainal



Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai termasuk ketua-ketua polis di setiap daerah supaya lebih berjaga-jaga sekiranya kemungkinan ini berlaku."

JAMSHAH MUSTAPA
 Ketua Polis Terengganu

Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Gong Badak di sini terpaksa ditutup buat sementara.

Keadaan tersebut dikaitkan dengan pembangunan sekitar yang berlaku dengan pesat manakala kedudukan taman-taman perumahan itu dan kampus seolah-olah terkepung dalam 'kawah' besar.

Jabatan Meteorologi meramalkan, jumlah taburan hujan di negeri ini pada tahun ini adalah lebih kurang sama pada tahun lepas, namun kerajaan negeri kini bersiap sedia menghadapi kemungkinan lebih buruk.

Sementara itu, polis mengingatkan penduduk yang terlibat dengan bencana banjir supaya lebih berhati-hati dalam menjalankan sebarang aktiviti luar di samping mematuhi arahan pihak berkuasa.

Ketua Polis negeri, Datuk Jamshah Mustapa berkata, ini kerana pihaknya menjangkakan air akan terus naik di beberapa kawasan tertentu khususnya dalam daerah ini jika hujan berlarutan.

"Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai termasuk ketua-ketua polis di setiap daerah supaya lebih berjaga-jaga sekiranya kemungkinan ini berlaku.

"Dalam hal ini, kita juga telah berbincang dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya jika keadaan ini

(banjir) berterusan," katanya kepada pemberita selepas meninjau pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Kompleks Gong Badak dekat sini hari ini.

Mengulas lanjut, Jamshah berkata, beliau turut mengarahkan anggotanya untuk membuat rondaan dan pemerhatian berterusan bagi mengelakkan berlaku sebarang kegiatan jenayah terutamanya yang melibatkan kejadian pecah rumah pada musim banjir ini.

"Biasanya, kawasan yang terlibat adalah di pinggir lokasi banjir sahaja. Kawasan banjir ini kalau penjenayah hendak datang pun agak sukar kerana mereka juga memerlukan bot untuk ke sini.

"Bagaimanapun, saya telah mengarahkan anggota-anggota saya khususnya yang bertugas di balai-balai dan pondok polis supaya berjaga-jaga dan mengawasi setiap kawasan yang terlibat dengan banjir bagi mengelakkan kehadiran penjenayah yang cuba mengambil kesempatan," ujar beliau.